

FKK Anjur International Occupational Safety (IOS) Half Marathon



SHAH ALAM: Program International Occupational Safety (IOS) Half Marathon anjuran Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi MARA (UiTM), dengan kerjasama NIOSH di kampus UiTM Shah Alam, berjaya diadakan pada hari ahad 28 April 2019. Penganjuran IOS Half Marathon diadakan sempena sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja pada setiap 28 April atau lebih dikenali sebagai 'World Osh Day.'

Program larian ini terbuka untuk tiga kategori, iaitu 21-kilometer (km), 10km dan 5km, manakala peserta larian boleh memperoleh lima mata bawah Program Pendidikan Berterusan (CEP) daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Penaja Utama bagi Program ini terdiri daripada Niosh, Serba Dinamik, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (JKKP)

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengerusi NIOSH, YBhg. Tan Sri Lee Lam Thye. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Pembangunan), Prof Madya Dr Mohd Fozil Ali , Dekan Fakulti Kejuruteraan Kimia, Prof Ts Dr Norazah Abd Rahman dan Setiausaha Eksekutif NIOSH, Mej (B) Hanif Maidin.

Dalam ucapan beliau, Tan Sri Lee Lam Thye memaklumkan kerjasama yang terjalin antara UiTM dan NIOSH membolehkan mereka memberi kesedaran kepada warga universiti memahami kepentingan Keselamatan Kesihatan pekerjaan (KKP) untuk dijadikan budaya hidup mereka. Program ini bersesuaian dengan tema sambutan Hari Sedunia bagi Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja tahun ini, iaitu 'Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pada Masa Depan'. Warga universiti perlu memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

SIDANG REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipuddin
Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)
Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto

Roslan Daud
Shamsul Hidayat Omar
Shazana Shabuddin
Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor



UiTM di hatiku



www.uitm.edu.my



UiTM Rasmi: www.facebook.com/uitmrasmii
Lensa Korporat: www.facebook.com/darilensakorporat